

Newspaper	Berita Harian
Date	18/4/2014



Erdogan mengiringi Najib memeriksa perbarisan kehormat pada sambutan rasmi lawatan Perdana Menteri ke Turki. (FOTO BERNAMA)

# Malaysia, Turki tandatangan FTA

BH-18/4/2014

» Usahawan kedua-dua negara disaran perluas pelaburan dua hala

Azman  
Abdul Hamid  
azman@bh.com.my

Ankara



Malaysia dan Turki membuka lembaran baru dalam sejarah hubungan kedua-dua negara selepas menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatnya, Recep Tayyip Erdogan menyaksikan dokumen itu ditandatangani.

FTA itu akan memberi tumpuan kepada kerjasama usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), industri halal, makanan dan pertanian, pembangunan penyelidikan dan inovasi, sektor kesihatan (farmasi, keselamatan makanan, nutrisi), tenaga (sumber dan tenaga diperbaharui), perdagangan elektronik dan au-

tomotif, termasuk pertukaran pakar teknikal dan perkongsian ilmu dan teknologi).

Perjanjian juga menetapkan Turki akan menghapuskan duti import ke atas 68.70 peratus produk membabitkan 8,309 garisan tarif, sebaik FTA berkuat kuasa. Ia meliputi 67.8 peratus atau RM791 juta (AS\$247 juta) nilai eksport Malaysia ke Turki.

Perjanjian itu menamatkan proses perundingan sejak kedua-dua negara memulakan rundingan pada Mei 2010 sebelum dirumuskan pada 17 Januari lalu, dan FTA akan berkuat kuasa antara 12 hingga 18 bulan selepas itu.

Selain FTA, Memorandum Persefahaman (MOU) turut ditandatangani antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Universiti Ankara dan Universiti Hacettepe, selain FELDA Global Ventures Holdings (FGV) dengan Eyvap Sabun Malaysia Sdn Bhd dan FELDA Global Ventures-Cambridge Nanosystems Limited.

## Rebut peluang FTA

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis makan tengah hari ahli perniagaan Malaysia dan Turki anjuran Kesatuan Dewan Perniagaan dan Bursa Komoditi Turki (TOBB), Najib menyarankan usahawan kedua-dua negara terus mem-

perluas pelaburan dua hala yang belum seimbang dengan mengambil peluang daripada FTA.

Nilai pelaburan Malaysia di sini mencapai RM3 bilion (AS\$1 bilion) tetapi pelaburan Turki agak ketinggalan sebanyak RM403.5 juta (AS\$126.1 juta).

## Pelaburan dalam konteks ASEAN

Sehubungan itu, Perdana Menteri menggesa Turki melihat pelaburannya di Malaysia dalam konteks ASEAN.

Ini disebabkan ASEAN mempunyai FTA dengan Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand yang bermakna berurusan dengan Malaysia membabitkan pasaran tiga bilion penduduk.

"Saya menggesa masyarakat perniagaan kedua-dua negara mengambil peluang daripada perjanjian ini. Insyallah, kita mampu menyahut cabaran Erdogan supaya nilai dagangan dua hala kita mencapai AS\$5 bilion (RM16 bilion)," katanya.

Sementara itu, Najib me-

ningatkan semua pihak bahawa rantau Asia kini menjadi perhatian dunia atas kemajuan ekonomi dan kemakmurnya.

Ketika memberi syarahan perdana di bangunan SETA bertajuk *Malaysia-Turkey Strategic Partnership In A Globalising World*, beliau menceritakan bagaimana Asia khususnya dan Malaysia umumnya, mendapat perhatian dunia.

"Lima puluh tahun lalu, Asia hanya menyumbang 15 peratus kepada hasil global, tetapi ia kini mencapai lebih 40 peratus. Dalam tempoh satu generasi, rantau paling ramai penduduk menjadi antara yang makmur.

"Lima puluh tahun lalu, ekonomi Korea Selatan lebih kecil dari Mozambique, tetapi hari ini ia hampir sama dengan keseluruhan sub-Sahara Afrika.

"Lima puluh tahun lalu, Kuala Lumpur tidak dikelaskan sebagai bandar tetapi hari ini ia dua kali ganda lebih besar dari San Francisco," katanya.

Merujuk kepada FTA, Najib berkata, menerusi hubungan strategik, kedua-dua negara boleh bertindak bersama untuk memenuhi kepentingan bersama termasuk diplomasi, perdagangan dan integrasi ekonomi.

"Inilah yang saya mahu nyatakan hari ini: kerjasama strategik di rantau Asia yang semakin bersifat global," kata.

“Insyallah, kita mampu menyahut cabaran Erdogan supaya nilai dagangan dua hala kita mencapai RM16 bilion”